

SOALAN LAZIM PROGRAM PENANGGUHAN PINJAMAN / PEMBIAYAAN PKS HLB / HLISB*(Versi 4 Mei 2020)*

No.	Soalan	Jawapan
1.	Adakah HLB / HLISB menawarkan pelanggan moratorium automatik ke atas bayaran balik / bayaran pinjaman / pembiayaan semasa penularan COVID-19?	Ya, sebagai langkah tambahan untuk membantu peminjam / pelanggan yang terjejas oleh penularan COVID-19, HLB & HLISB akan menawarkan moratorium secara automatik untuk pelanggan individu dan PKS. Moratorium ini merangkumi pinjaman/pembiayaan yang: a) Tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020, dan b) Dalam denominasi Ringgit Malaysia (MYR)
2.	a) Siapa yang layak mengambil bahagian dalam Program? b) Saya bukan PKS, adakah saya layak untuk memohon Program?	Program ini hanya ditawarkan kepada pelanggan individu dan PKS (mengikut definisi BNM) yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dinyatakan dalam item 1 di atas. Pelanggan korporat / bukan PKS tidak layak untuk memohon Program ini. Walau bagaimanapun pelanggan korporat / bukan PKS boleh memilih untuk menyertai program penstrukturan dan penjadualan semula (R&R), dimana penilaian permohonan akan dipertimbangkan oleh Bank mengikut kes. Sila hubungi Pengurus Perhubungan untuk memulakan perbincangan.
3.	Apakah jenis kemudahan pinjaman / pembiayaan yang diliputi oleh Program ini?	Semua jenis kemudahan pinjaman / pembiayaan dalam denominasi MYR (tidak termasuk kad kredit) ditawarkan kepada pelanggan PKS kami. Kemudahan denominasi selain MYR (OFCL, FCY RC / RC-i, dan FCY TL / TF) tidak termasuk dalam moratorium secara automatik, dan sebarang permohonan R&R kemudahan perlu dibincangkan dengan Pengurus Perhubungan.
4.	a) Adakah Program ini merangkumi pinjaman / pembiayaan baharu yang dimohon / diluluskan / disalurkan pada 1 April 2020?	Moratorium secara automatik tidak ditawarkan kepada kemudahan pembiayaan / bil perdagangan baharu yang dimohon /diluluskan/dialurkan pada 1 April 2020.

No.	Soalan	Jawapan			
	b) Adakah kemudahan pembayaran berperingkat diliputi oleh Program ini?	Ya, Program ini juga ditawarkan untuk pinjaman / pembiayaan pembayaran berperingkat. Tetapi, faedah / keuntungan berperingkat bulanan yang ditangguhkan perlu diselesaikan sebelum pinjaman / pembiayaan dibayar sepenuhnya. Jika tidak, bayaran ansuran untuk pinjaman / pembiayaan bulanan akan digunakan untuk membayar baki faedah / keuntungan yang tertunggak, menyebabkan tunggakan bayaran ansuran.			
5.	Bagaimanakah struktur moratorium / penangguhan bayaran balik / bayaran berfungsi?	Pinjaman Berjangka / Pembiayaan Berjangka-i	Pinjaman Sewa Beli Perindustrian / Pembiayaan Sewa Beli-i	Overdraf / Cashline-i	Kemudahan Kredit Pusingan / Kredit Pusingan-i / Pembiayaan Perkhidmatan Perdagangan / Perkhidmatan Perdagangan-i
		Bayaran prinsipal dan faedah / keuntungan bulanan atau suku tahunan yang perlu dibayar layak untuk moratorium selama 6 bulan. Faedah / keuntungan akan terus terakru dalam tempoh ini. Walau bagaimanapun, faedah / keuntungan tidak akan dikompaun semasa tempoh moratorium. Bagi pinjaman berjangka konvensional, jumlah faedah tertunda akan ditambah kepada jumlah	Bayaran balik pinjaman / pembiayaan / bayaran perlu dibayar layak untuk moratorium selama 6 bulan. Bagi pinjaman sewa beli perindustrian / pembiayaan sewa beli-i jumlah bayaran ansuran tetap sama / tidak berubah. Pihak Bank akan megekalkan jumlah bayaran ansuran dengan melaraskan / memanjangkan tempoh pinjaman / pembiayaan. Faedah / keuntungan akan dikenakan pada	Faedah / keuntungan akan terus dibilkan secara bulanan semasa tempoh moratorium tetapi bayaran yang perlu dibayar layak untuk moratorium selama 6 bulan dan perlu dibayar semula pada 1 Oktober 2020. Moratorium hanya dikenakan pada baki yang melebihi had yang telah diluluskan kerana pembayaran / bayaran balik bagi baki ini perlu dijelaskan seperti dinyatakan dalam kontrak. Overdraf / Cashline-i yang dijamin oleh saham layak	Bagi kemudahan kredit pusingan / kemudahan kredit pusingan-i dan urusan niaga pembiayaan perdagangan seperti BA / AB-i, IVF / IVF-i dan TR / TR-i, pembayaran bil yang perlu dibayar semasa tempoh moratorium akan dilanjutkan sehingga 6 bulan dari tarikh asal yang perlu dibayar atau dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020, yang mana lebih awal. Faedah / keuntungan yang akan dikenakan pada peralihan / perlanjutan akan dikira berdasarkan BLR / IFR atau Kos Dana 3

No.	Soalan	Jawapan			
		<p>keseluruhan yang perlu dibayar pada akhir tempoh moratorium dan akan dilunaskan sepanjang tempoh pinjaman yang masih ada.</p> <p>Bagi kemudahan pembiayaan berjangka-i (Islamik), ansuran bulanan yang dibayar selepas tempoh moratorium akan terlebih dahulu digunakan untuk mengimbangi pembayaran baki keuntungan yang tertunda.</p> <p>Untuk pinjaman berjangka / pembiayaan berjangka-i, jumlah bayaran / pembayaran bulanan / suku tahunan akan tetap sama. Bank akan mengekalkan jumlah bayaran ansuran dengan melaraskan / memanjangkan tempoh pinjaman / pembiayaan.</p>	<p>jumlah yang ditangguhkan selepas tempoh moratorium dan akan terus terakru sehingga jumlah yang ditangguhkan dibayar sepenuhnya. Kadar faedah / keuntungan adalah setara dengan Kadar Kontrak kemudahan tersebut. Faedah / keuntungan yang terakru pada jumlah yang ditangguhkan perlu dibayar pada akhir tempoh pinjaman / pembiayaan pada bayaran ansuran terakhir.</p>	<p>untuk Program ini tertakluk kepada aturan peningkatan seperti sedia kala tetapi faedah / keuntungan yang dibilkan boleh ditangguhkan semasa tempoh moratorium dan perlu dibayar selepas 6 bulan.</p>	<p>bulan untuk produk berkaitan pada tarikh peralihan / perlanjutan disamping margin yang dipersetujui.</p> <p>Surat Kredit (Letter of Credit) denominasi USD yang matang / berakhir semasa tempoh moratorium tidak layak untuk termasuk di bawah Program ini. Apa-apa penyusunan semula atau penukaran instrumen-instrumen ini perlu dibincangkan dengan Pengurus Perhubungan anda.</p>

No.	Soalan	Jawapan
6.	Kemudahan pinjaman / pembiayaan saya kini mengikut pengurangan had berjadual. Adakah ini akan diliputi oleh program moratorium ini?	Semasa tempoh moratorium, penjadualan bagi kemudahan pinjaman / pembiayaan telah mengikuti pengurangan had yang berjadual berikut akan ditangguhkan selama 6 bulan: <ul style="list-style-type: none"> • Overdraf /Cashline-i • Kredit Pusingan / Kredit Pusingan -i • Perkhidmatan Perdagangan / Perkhidmatan Perdagangan-i
7.	Saya adalah PKS. Jika mana-mana Jaminan Bank saya diaktifkan dalam tempoh moratorium, bolehkah bayaran ditangguh sehingga tempoh moratorium berakhir?	Jaminan perlu dibayar berdasarkan terma jaminan. Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran obligasi jaminan, anda dinasihatkan untuk menyemak pilihan yang tersedia dengan Pengurus Perhubungan.
8.	Adakah jumlah bayaran balik / bayaran ansuran bulanan atau suku tahunan akan berubah selepas tempoh moratorium?	Untuk pinjaman berjangka / pembiayaan berjangka-i, jumlah bayaran balik / bayaran bulanan / bayaran suku tahunan akan kekal sama. Bank akan mengekalkan jumlah bayaran ansuran dengan menyesuaikan / melanjutkan tempoh pinjaman / pembiayaan tersebut. Untuk pinjaman sewa beli perindustrian / pembiayaan sewa beli perindustrian-i jumlah bayaran balik / bayaran bulanan akan tetap sama / tidak berubah. Pihak Bank akan mengekalkan jumlah bayaran ansuran dengan melaraskan / memanjangkan tempoh pinjaman / pembiayaan. Faedah / keuntungan yang terakru pada jumlah yang ditangguhkan perlu dibayar pada ansuran terkahir di akhir tempoh pinjaman / pembiayaan yang dilanjutkan.
9.	Adakah terdapat caj, faedah tambahan / kadar keuntungan yang terselindung?	Tiada caj penalti untuk bayaran lewat /caj pampasan akan dikenakan ke atas jumlah yang ditangguhkan.
10.	Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk memohon Program penangguhan pinjaman / pembiayaan ini?	Tiada dokumen sokongan yang diperlukan kerana Program ini ditawarkan secara automatik kepada pelanggan PKS yang layak –sila rujuk kepada item 1 di atas.

No.	Soalan	Jawapan
11.	a) Bagaimana cara untuk saya dikecualikan / pilih keluar daripada Program ini?	<p>Jika anda ingin dikecualikan / pilih keluar daripada Program ini, sila hantar permintaan bertulis kepada Bank (contoh borang permintaan boleh didapati di laman sesawang kami hlb.com.my/srf) atau emel kepada sme@hlbb.hongleong.com.my atau Pengurus Perhubungan anda.</p> <p>Untuk maklumat lanjut untuk dikecualikan / pilih keluar daripada Program ini sila hubungi pusat panggilan kami di 03-7626 8899 atau Pengurus Perhubungan anda.</p>
	b) Bolehkah saya memohon penangguhan untuk tempoh melebihi daripada 6 bulan?	<p>Penangguhan secara automatik hanya ditawarkan untuk tempoh 6 bulan. Jika anda memerlukan bantuan tambahan selepas tempoh ini, anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan anda dan memohon penstrukturan semula bayaran balik / bayaran pinjaman/pembiayaan anda, dimana penilaian permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan kes demi kes.</p>
12.	Bolehkah pelanggan membuat pembayaran semasa tempoh moratorium?	<p>Ya, pelanggan boleh meneruskan pembayaran semasa tempoh penangguhan. Sama ada bayaran ansuran penuh atau bayaran ansuran separa, kami akan menerima sebarang amaun yang termampu oleh pelanggan.</p> <p>Untuk pinjaman/pembiayaan berjangka, pembayaran akan dianggap sebagai bayaran awal dan akan disalurkan kepada pengurangan baki pinjaman / pembiayaan pada akhir tempoh moratorium.</p> <p>Untuk kemudahan perdagangan konvensional, pembayaran awal boleh dibuat untuk menyelesaikan jumlah penuh atau sebahagian amaun pinjaman / pembiayaan. Untuk kemudahan perdagangan islamik, pembayaran awal untuk setiap bil perdagangan, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda.</p> <p>Kemudahan Overdraf / Cashline-i boleh dikurangkan atau diprayayar pada bila-bila masa dalam tempoh penangguhan.</p>
13.	Apakah kesan penangguhan pembayaran ke atas arahan tetap ("Standing Instructions" (SI)) saya?	<p>Bank akan menggantung semua SI untuk bayaran balik / pembayaran kemudahan untuk semua pelanggan semasa tempoh moratorium, melainkan pelanggan mengambil keputusan untuk mengecualikan diri daripada Program ini. Sila ambil perhatian bahawa penggantungan ini hanya melibatkan akaun Hong Leong Bank / Hong Leong Islamic Bank. Sekiranya SI tidak digantung tanpa sebab, anda boleh memberitahu kami untuk permintaan bayaran balik.</p> <p>Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk menguruskan pemansuhan/penggantungan SI yang diaturkan di bank selain daripada HLB / HLISB.</p>

No.	Soalan	Jawapan
14.	Bolehkah saya terus menggunakan kemudahan kredit perdagangan dan kemudahan kredit pusingan saya semasa tempoh moratorium?	Ya. Harap maklum bahawa penggunaan kemudahan tertakluk pada had yang sedia ada dan peraturan biasa berhubung dengan penggunaan / penyaluran pembiayaan dan bayaran balik / pembayaran. Program ini tidak meliputi penggunaan / penyaluran pembiayaan baharu, oleh itu terma untuk bayaran balik / pembayaran kemudahan adalah tertakluk kepada persetujuan dalam perjanjian pinjaman / pembiayaan untuk penggunaan / penyaluran pembiayaan kemudahan diantara pelanggan dan Bank.
15.	Adakah pinjaman/ pembiayaan saya dengan mana-mana pihak kredit selain daripada bank layak untuk Program ini?	Tidak, Program ini hanya untuk pinjaman/pembiayaan yang ditawarkan oleh bank-bank dan institusi pembagunan kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).
16.	Adakah Bank akan mengambil tindakan perolehan semula ke atas pelanggan semasa tempoh moratorium?	Tidak. Semasa tempoh moratorium, tiada peringatan, notis, pemilikan semula dan tindakan undang-undang dan sebagainya akan dikenakan terhadap pelanggan yang mengambil bahagian dalam Program ini.
17.	Adakah terdapat sebarang impak negatif atau rekod kewangan yang terjejas khususnya pada sejarah kredit (CCRIS) saya, dengan menyertai Program ini?	Tiada kesan negatif pada rekod kewangan CCRIS semasa tempoh moratorium. Tetapi, jika akaun anda tertunggak selama 1 bulan dan ke atas pada tarikh mula program penangguhan, rekod ini akan kekal tanpa perubahan di CCRIS sepanjang tempoh penangguhan.
Pelan Bantuan COVID-19 Terkini		
18.	Adakah kemudahan "HLB / HLISB Financial Relief Plan" masih sah memandangkan terdapat Program penangguhan baharu?	Untuk pelanggan PKS kami – Program ini akan menggantikan sebarang pelan penstrukturan semula yang diatitkan sebelum pelancaran Program penangguhan automatik ini.

No.	Soalan	Jawapan
	Adakah Program ini akan menggantikan kemudahan "HLB / HLISB Financial Relief Plan" bagi pelanggan yang sedang menikmati kemudahan "HLB / HLISB Financial Relief Plan"?	
19.	Adakah saya masih dibenarkan untuk memohon Kemudahan Bantuan Khas BNM ("Special Relief Fund" (SRF))?	Ya. PKS masih boleh memohon Kemudahan Bantuan Khas BNM (SRF). Sila layari hlb.com.my/srf untuk maklumat lanjut, atau hubungi kami dan / atau Pengurus Perhubungan anda untuk membincangkan permohonan.
Penangguhan Pinjaman/Pembiayaan untuk Pelanggan Perbankan Korporat		
20.	Bagaimana cara Pelanggan Korporat boleh memohon Program Penangguhan?	Program penangguhan secara automatic ini tidak meliputi pelanggan Korporat. Sila hubungi Pengurus Perhubungan anda untuk bantuan memohon Program R&R yang bersesuaian dengan situasi anda. Untuk memohon, pinjaman / pembiayaan sedia ada tidak boleh melebihi 90 hari terakhir pada 1 April 2020.

Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan, kami menasihatkan anda untuk menghubungi kami bagi membincangkan mana-mana perkara berkenaan melalui maklumat perhubungan yang ternyata di sini:

1. Untuk pertanyaan am berhubung Program Penangguhan/Moratorium Pinjaman/Pembiayaan HLB/HLISB:

HLB Customer Hotline: 603-7626 8899 (9.00am – 6.00pm, Isnin-Sabtu)

Emel: sme@hlbb.hongleong.com.my

2. Untuk pertanyaang behubung Bank Negara Malaysia Special Relief Fund bagi PKS yang terjejas oleh Covid-19:



HLB Customer Hotline: 603-7626 8899 (9.00am – 6.00pm, Isnin-Sabtu)
Emel: sme@hlbb.hongleong.com.my

Terima kasih atas kesabaran dan kerjasama anda.

